

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Seksyen Nasional)

Tarikh: 3 Februari 2016 (Rabu)

Mukasurat: 11

NASIONAL 11

## Swasta boleh bantu kuasai bahasa Inggeris

BH (Rabu)  
3/2/16,  
no 11  
Nasional

**Johor Bahru:** Kementerian Pendidikan menggalakkan syarikat swasta di negara ini tampil bekerjasama menganjurkan lebih banyak program pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Inggeris secara lebih interaktif.

Timbalan Menteri, Datuk P Kamalanathan, berkata usaha itu juga secara tidak langsung dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan pelajar, khususnya di luar bandar.

"P&P di luar bilik darjah secara interaktif dan kreatif akan mewujudkan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan kepada pelajar, secara tidak langsung memberi dorongan untuk mereka terus menguasai bahasa Inggeris.

"Jadi, kementerian berharap lebih banyak syarikat swasta tampil menjayakan usaha ini kerana kerjasama di antara kementerian dan sektor itu juga antara perkara yang diberi penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025," katanya.

### Tarik minat pelajar

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Program 'English Mania' dan pengiktirafan Program Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Legoland Malaysia Resort di sini, semalam, beliau berkata, usaha promosi STEM juga amat dialu-alukan.

"Ini kerana STEM juga berupaya meningkatkan kesedaran dan menarik minat pelajar untuk mengikuti bidang sains dan teknologi. Penguasaan bahasa Inggeris dan STEM amat penting bukan sahaja kepada pelajar, tetapi juga memberi kelebihan kepada guru kerana dapat memahami secara mendalam bidang berkenaan.

"Pada masa sama, ibu bapa juga perlu menjadikan pembelajaran sains menyeronokkan bagi memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran STEM, selain memperbanyakkan aktiviti berkaitan bidang berkenaan bagi meningkatkan minat pelajar," katanya.

Mengenai langkah pencegahan denggi di sekolah, Kamalanathan berkata, kementerian sentiasa memantau, selain meminta Jawatankuasa Kebersihan, Keceriaan dan Keselamatan (3K) sekolah mengutamakan aspek kebersihan di sekolah masing-masing.